

MAHATHIR - PEMERHATI

ALOR SETAR, 2 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN TIDAK MEMERLUKAN KUMPULAN PEMERHATI PILIHAN RAYA YANG DITUBUHKAN OLEH PEMBANGKANG KERANA MEREKA MENENTANG KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, MEREKA TELAH MENJELAJAH KE SELURUH NEGARA MENCEMUK KERAJAAN. BELIAU MENYIFATKAN ANGGOTA-ANGGOTA KUMPULAN ITU SEBAGAI +MAKAN SEBELAH+.

KUMPULAN ITU TIDAK BOLEH MEMBANTU APA-APA KEPADA PEMERHATI PILIHAN RAYA KOMANWEL, KATANYA KEPADA PEMBERITA PADA MAJLIS RUMAH TERBUKA SEMPENA HARI RAYA HAJI DI KEDIAMANNYA DI TITI GAJAH, DEKAT SINI HARI INI.

PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DALAM KENYATAANNYA YANG DISIARKAN OLEH SEBUAH AKHBAR TEMPATAN HARI INI MEMINTA SUPAYA KUMPULAN ITU YANG DIPENGERUSIKAN OLEH BEKAS KETUA HAKIM NEGARA TUN MOHAMAD SUFFIAN HASHIM DIBENARKAN MEMBANTU PEMERHATI KOMANWEL UNTUK MEMASTIKAN PILIHAN RAYA UMUM BERJALAN DENGAN ADIL DAN BEBAS.

SAMBIL MENYEBUT NAMA-NAMA SEPERTI ALIRAN, PERDANA MENTERI BERKATA KUMPULAN ITU MEMANG DIKETAHUI SEBAGAI ANTI KERAJAAN DAN OLEH ITU, MEREKA TIDAK DIPERLUKAN UNTUK MEMBANTU KUMPULAN PEMERHATI KOMANWEL. -- LAGI

1604MST 02 07 90

R B567 AAB

MAHATHIR - PEMERHATI 2 ALOR SETAR

SELURUH DUNIA MENGETAHUI BAHAWA KUMPULAN PEMERHATI PILIHAN RAYA PEMBANGKANG ITU MERUPAKAN GOLONGAN YANG BERAT SEBELAH, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI BERKATA, PEMERHATI PILIHAN RAYA AKAN DIPILIH OLEH SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL SUPAYA IA BENAR-BENAR BEBAS DAN TIDAK MENYEBELAHI MANA-MANA PIHAK SEMASA MENJALANKAN TUGAS.

MENURUTNYA, BELIAU AKAN MENULIS SURAT KEPADA KOMANWEL APABILA MENDAPAT TAHU SAMBUTAN DARIPADA DALAM NEGERI DAN PENDAPAT-PENDAPAT PARTI-PARTI LAWAN SAMA ADA MEREKA MAHU MENERIMANYA ATAU TIDAK.

KOS PEMBIAYAAN KUMPULAN ITU AKAN DITANGGUNG OLEH KERAJAAN, KATA BELIAU.

MENGENAI JUMLAH PEMERHATI YANG AKAN DIHANTAR, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TERPULANGLAH KEPADA SEKRETARIAT KOMANWEL UNTUK MENENTUKANNYA. -- LAGI

1606MST 02 07 90

D908

R B569 AAB

MAHATHIR - PEMERHATI 3 ALOR SETAR

TUGAS PEMERHATI PILIHAN RAYA KOMANWEL ITU ANTARA LAIN IALAH MEMASTIKAN PILIHAN RAYA UMUM BERJALAN DENGAN SEMPURNA DAN ADIL DAN MANA-MANA PIHAK YANG TIDAK BERPUAS HATI BOLEH MEMBAWANYA KE MAHKAMAH UNTUK DISELESAIKAN.

KUMPULAN ITU BOLEH MELIHAT DENGAN SENDIRI SECARA DEKAT BAGAIMANA PROSES PILIHAN RAYA DIJALANKAN DI NEGARA INI KERANA NEGARA INI BUKAN SEPERTI SESETENGAH NEGARA YANG MENGGUNAKAN ASKAR UNTUK MEMAKSA RAKYAT MENYOKONG KERAJAAN, KATA BELIAU.

KETIKA DIMINTA MENGULAS MASALAH DALAM MCA MASA INI, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL BERKATA, BELIAU TIDAK MAHU CAMPUR TANGAN KERANA MENGANGGAPNYA SEBAGAI MASALAH DALAMAN PARTI BERKENAAN.

+SAYA TIDAK MAHU BERI APA-APA NASIHAT, NANTI ORANG ANGGAP SAYA CAMPUR TANGAN PULA,+ KATANYA.

+SAYA TIDAK SOKONG MANA-MANA PIHAK, TETAPI APAPUN YANG HENDAK DIBUAT OLEH PEMIMPIN MCA HENDAKLAH MENGIKUT LUNAS-LUNAS DEMOKRASI YANG KITA AMALKAN,+ KATA BELIAU. -- LAGI

D909

R B570 AAB  
MAHATHIR - PEMERHATI 4 ALOR SETAR

BELIAU BERKATA, YANG KALAH PERLU MENERIMA KEPUTUSAN DENGAN HATI YANG TERBUKA DI SAMPING BERSEEDIA MEMBERI SOKONGAN KEPADA YANG MENANG.

LEBIH 2,000 ORANG TERMASUK MENTERI BESAR DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF MENGUNJUNGI KEDIAMAN PERDANA MENTERI PADA MAJLIS RUMAH TERBUKA ITU. -- BERNAMA  
1612MST 02 07 90